

DR 3 TAHUN 2010
MALAYSIA

DICETAK DENGAN PERINTAH DEWAN RAKYAT

DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL KETIGA

LAPORAN
JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN

DIKEMUKAKAN OLEH

YANG BERTAMBAH TAN SRI DATUK SERI PANGKAL PANDIKAR AMIN HAJI MULIA
(PENGURUS JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN)

RUJUKAN TUGAS

Jawatankuasa Pemilih Dewan Rakyat telah melantik di bawah Peraturan Mesyuarat 80 (1) Ahli-ahli Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi tempoh Parlimen Keduabelas seperti berikut:

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia
Tuan Yang di-Pertua (Pengerusi)

Yang Berhormat Datuk Ronald Kiandee
Timbalan Yang di-Pertua (Ahli bagi kawasan Beluran)

Yang Berhormat Datuk Razali bin Haji Ibrahim
Ahli bagi kawasan Muar

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn
Ahli bagi kawasan Alor Gajah

Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Shukri
Ahli bagi kawasan Batang Sadong

Yang Berhormat Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah
Ahli bagi kawasan Subang

Yang Berhormat Tuan Karpal Singh a/l Ram Singh
Ahli bagi kawasan Bukit Gelugor

Catatan:

1. Yang Berhormat Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah

Ahli bagi kawasan Subang

(Telah menarik diri daripada meneruskan prosiding Jawatankuasa mulai jam 10.48 pagi, hari Jumaat, 3 Disember 2010)

2. Yang Berhormat Tuan Karpal Singh a/l Ram Singh

Ahli bagi kawasan Bukit Gelugor

(Telah menarik diri daripada meneruskan prosiding Jawatankuasa mulai jam 10.48 pagi, hari Jumaat, 3 Disember 2010)

DR. 3 TAHUN 2010
PARLIMEN MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

DI DALAM JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN

LATAR BELAKANG

1. Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah diberi tugas oleh Dewan Rakyat melalui Usul daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz pada hari Khamis, 22 April 2010. Usul tersebut adalah seperti berikut:

“**BAHAWA** pada 17 Mac 2010, Yang Berhormat Ahli Parlimen Permatang Pauh, ketika mengambil bahagian dalam Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong, telah mengeluarkan kenyataan, “1999 Satu Israel. 2009 APCO menasihati Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib 1Malaysia”.

BAHAWA Yang Berhormat Ahli Parlimen Permatang Pauh telah mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan serta membuat dakwaan yang sangat serius dan menyalahi hak dan keistimewaan sebagai Ahli Parlimen serta merupakan satu penghinaan kepada Dewan ini.

MAKA INILAH DIPERSETUJUI BAHAWA Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jawatankuasa ini hendaklah membuat syor jenis hukuman yang setimpal yang patut Dewan kenakan ke atas Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh.”

MESYUARAT PERTAMA

2. Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah diadakan pada hari Isnin, 17 Mei 2010, jam 10 pagi, di Bangunan Parlimen. Tujuan Mesyuarat diadakan adalah untuk membuat persediaan bagi melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan, di samping mengenal pasti pihak atau individu yang akan dipanggil sebagai saksi-saksi dalam Mesyuarat yang akan dijalankan.
3. Setelah berbincang, Jawatankuasa memutuskan untuk memanggil saksi-saksi pada tarikh yang telah ditetapkan seperti berikut:-

Hari Selasa, 8 Jun 2010:

Yang Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim
(Ketua Pembangkang merangkap Ahli Parlimen Permatang Pauh)

Hari Rabu, 9 Jun 2010:

- i. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz
(Menteri di Jabatan Perdana Menteri)
- ii. Wakil daripada APCO Worldwide.

MESYUARAT KEDUA

- 4. Mesyuarat Kedua telah diadakan pada hari Selasa, 8 Jun 2010. Jawatankuasa telah menjadualkan Yang Berhormat Permatang Pauh untuk memberikan keterangan di hadapan Jawatankuasa. Pengerusi turut memaklumkan bahawa setelah surat panggilan mesyuarat disampaikan kepada pihak APCO Worldwide Sdn Bhd, syarikat tersebut telah menamakan Mr. Brad Staples, Chief Executive Officer APCO Worldwide Europe, Middle-East and Africa Region sebagai wakil untuk hadir memberi keterangan. Pengerusi mengingatkan bahawa tugas Jawatankuasa ini adalah berdasarkan kepada dakwaan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong pada hari Rabu 17 Mac 2010, yang mendakwa bahawa, *"1999 1Israel. 2009 APCO menasihati Perdana Menteri Datuk Seri Mohd. Najib 1Malaysia."*

5. Pengerusi memaklumkan bahawa beliau telah menerima permohonan daripada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Permatang Pauh yang meminta pertimbangan Jawatankuasa mengenai beberapa perkara iaitu permohonan diwakili peguam, mesyuarat dijalankan secara terbuka, dan dibenarkan untuk menyediakan senarai saksi-saksi.
6. Jawatankuasa mengambil maklum bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 83(7A), kehadiran peguam adalah hanya dengan izin Jawatankuasa. Jawatankuasa juga mengambil perhatian bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan tidak dijalankan secara terbuka kerana ia akan melanggar peruntukan Peraturan Mesyuarat 85, di mana keterangan-keterangan yang diberikan tidak boleh didedahkan sebelum Jawatankuasa membuat penyata untuk dibentang dan disetujui oleh Majlis. Jawatankuasa turut mengambil maklum bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 83(2), sesebuah Jawatankuasa Pilihan berkuasa memanggil orang untuk hadir di hadapannya.
7. Yang Berhormat Subang telah membangkitkan mengenai kehadiran Ahli-ahli Dewan lain untuk mengikuti perjalanan mesyuarat Jawatankuasa. Setelah mendengar pandangan daripada Ahli-ahli, Pengerusi memaklumkan bahawa Jawatankuasa ini tidak membenarkan pihak awam atau Ahli-ahli Dewan untuk mengikuti prosiding.

8. Yang Berhormat Subang juga membangkitkan perkara yang dipohon oleh Yang Berhormat Permatang Pauh untuk diwakili peguam. Pengerusi memaklumkan bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh akan dipanggil masuk bersendirian untuk menjelaskan sebab-sebab beliau memerlukan peguam untuk hadir bersama sebelum Jawatankuasa membuat keputusan berkenaan permohonan beliau. Beberapa Ahli Dewan lain telah masuk ke dalam bilik mesyuarat tanpa kebenaran Jawatankuasa apabila Yang Berhormat Permatang Pauh dipanggil masuk. Dalam masa yang sama, Yang Berhormat Bukit Gelugor membangkitkan sama ada keputusan berkenaan kehadiran Ahli-ahli Dewan lain untuk mengikuti mesyuarat telah dibuat dan Pengerusi memaklumkan bahawa keputusan telah dibuat terdahulu setelah mendapat pandangan daripada Ahli-ahli dan sekiranya memerlukan belah bahagian, perkara ini perlu mengikut peraturan. Beberapa Ahli turut membangkitkan tentang hasrat mereka untuk mengikuti prosiding Jawatankuasa. Pengerusi telah meminta Yang Berhormat Permatang Pauh dan Ahli-ahli lain beredar dari bilik mesyuarat memandangkan Jawatankuasa perlu memutuskan perkara ini secara belah bahagian.
9. Jawatankuasa juga melahirkan rasa dukacita atas tindakan beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah masuk ke dalam bilik mesyuarat tanpa kebenaran Jawatankuasa semasa mesyuarat sedang berjalan.

10. Usul telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Subang untuk membenarkan Ahli Dewan yang lain mengikuti prosiding Jawatankuasa. Undian dibuat secara belah bahagian di mana **dua (2)** orang Ahli bersetuju **(Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Subang)** manakala **empat (4)** orang Ahli tidak bersetuju **(Yang Berhormat Alor Gajah, Batang Sadong, Beluran, dan Muar)** untuk membenarkan Ahli-ahli Dewan mengikuti prosiding Jawatankuasa. Oleh yang demikian, Jawatankuasa telah memutuskan tidak membenarkan Ahli-ahli Dewan yang lain mengikuti prosiding Jawatankuasa.
11. Setelah belah bahagian diputuskan, Yang Berhormat Permatang Pauh dipanggil masuk bersendirian untuk memberi penjelasan kepada Jawatankuasa. Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan mengenai hak beliau untuk diwakili peguam mengikut Peraturan Mesyuarat 83(7A). Yang Berhormat Permatang Pauh turut meminta supaya peguam itu mempunyai hak untuk membuat hujahan bagi pihaknya. Yang Berhormat Bukit Gelugor turut menegaskan bahawa pada pendapat beliau, peranan peguam bukan sekadar penasihat sahaja, tetapi hak untuk diwakili bermakna hak untuk diwakili sepenuhnya.
12. Setelah mengambil kira pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor mengenai maksud 'diwakili peguam' iaitu bukan setakat sebagai penasihat, tetapi hak untuk diwakili bermakna hak diwakili sepenuhnya. Perkara ini dibawa untuk dibincangkan oleh Jawatankuasa. Pengerusi mengemukakan masalah bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh dibenarkan diwakili

oleh peguam. Undian dibuat secara belah bahagian di mana **dua (2)** orang Ahli bersetuju (**Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Subang**) manakala **empat (4)** orang Ahli tidak bersetuju (**Yang Berhormat Alor Gajah, Batang Sadong, Beluran, dan Muar**) membenarkan YB Permatang Pauh diwakili peguam. Oleh yang demikian, Jawatankuasa telah mengambil keputusan tidak membenarkan YB Permatang Pauh diwakili oleh peguam.

13. Jawatankuasa telah membincangkan berkenaan kenyataan-kenyataan kepada media yang dibuat oleh beberapa Ahli Jawatankuasa, di mana ini bercanggah dengan Peraturan Mesyuarat 85. Yang Berhormat Pengerusi berpegang kepada pendirian bahawa apa-apa pun yang dibincangkan dalam Jawatankuasa, perkara ini seharusnya dibentangkan kepada Majlis terdahulu sebelum diketahui pihak-pihak lain.

MESYUARAT KETIGA

14. Mesyuarat Ketiga Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah diadakan pada hari Rabu, 9 Jun 2010, jam 11.30 pagi, di Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia. Jawatankuasa telah menjadualkan Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Mr. Brad Staples, Chief Executive Officer APCO Worldwide Europe, Middle-East and Africa Region untuk memberikan keterangan di hadapan Jawatankuasa.

15. Walaupun mesyuarat belum dimulakan, Yang Berhormat Permatang Pauh dan peguamnya telah meluru masuk ke bilik mesyuarat, di mana Ahli-ahli Jawatankuasa belum hadir sepenuhnya, dan saksi-saksi juga belum dipanggil untuk memberi keterangan.
16. Yang Berhormat Permatang Pauh memohon supaya beliau diberi keutamaan untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa sebelum saksi-saksi lain dipanggil. Beliau memohon supaya dapat hadir bersama peguam bersama-sama ketika saksi memberi keterangan. Selain daripada itu, beliau juga memohon kebenaran Jawatankuasa untuk diwakili peguam serta boleh membuat hujahan. Peguam Yang Berhormat Permatang Pauh turut mencuba untuk memberi keterangan.
17. Pengerusi telah memaklumkan secara rasmi kepada Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa Jawatankuasa telah memutuskan untuk tidak membenarkan beliau diwakili oleh peguam. Selepas itu, Yang Berhormat Permatang Pauh dan peguam telah beredar daripada bilik mesyuarat.
18. Semasa mesyuarat telah dimulakan secara rasmi, Pengerusi memaklumkan bahawa beliau telah menerima surat permohonan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh yang meminta pertimbangan Jawatankuasa mengenai beberapa perkara iaitu kebenaran beliau dan peguam hadir mengikuti sesi mesyuarat Jawatankuasa melibatkan saksi-saksi lain, kebenaran akses kepada keterangan saksi-saksi, dan hak untuk

menyoal balas keterangan saksi-saksi. Pengerusi memaklumkan bahawa, seperti keputusan yang telah dibuat pada 8 Jun 2010, Jawatankuasa tidak bersetuju Yang Berhormat Permatang Pauh diwakili peguam.

19. Yang Berhormat Subang telah membangkitkan berkenaan permohonan Yang Berhormat Permatang Pauh untuk hadir mengikuti mesyuarat Jawatankuasa melibatkan saksi-saksi lain. Mesyuarat telah membincangkan berkenaan perkara tersebut dan berpandangan bahawa Jawatankuasa membenarkan beliau untuk hadir sewaktu saksi-saksi yang lain memberi keterangan. Isu berkenaan hak untuk diwakili peguam dan perkara berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 83(7A) dibangkitkan semula oleh beberapa orang Ahli, dan Pengerusi memaklumkan bahawa keputusan untuk tidak membenarkan Yang Berhormat Permatang Pauh diwakili peguam adalah kekal (seperti keputusan mesyuarat pada 8 Jun 2010).
20. Jawatankuasa turut membincangkan berkenaan surat daripada Yang Berhormat Puchong bertarikh 8 Jun 2010 yang mewakili Ahli-ahli Parlimen bagi kawasan Gombak, Lembah Pantai, Shah Alam, Selayang, Hulu Langat, Kuala Selangor, Padang Serai, Kelana Jaya dan Ampang yang memohon agar dibenarkan mereka hadir untuk memerhati dan mengikuti prosiding. Beberapa orang Ahli telah menegaskan bahawa mereka kekal dengan pendirian untuk tidak membenarkan Ahli-ahli Parlimen yang lain dari mengikuti prosiding Jawatankuasa. Yang Berhormat Bukit Gelugor beberapa kali membangkitkan bahawa tiada keputusan yang dibuat

terhadap permohonan daripada Yang Berhormat Puchong. Pengerusi menegaskan bahawa keputusan telahpun dibuat iaitu Jawatankuasa tidak bersetuju membenarkan Ahli-ahli Parlimen yang lain mengikuti prosiding. Walaupun Pengerusi telah menjelaskan keputusan, Yang Berhormat Bukit Gelugor terus-menerus membangkitkan isu tersebut.

21. Yang Berhormat Bukit Gelugor telah secara berterusan menghina serta membuat dakwaan Yang Berhormat Tan Sri Pengerusi tidak tetap pendirian (*indecisive*) dalam mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa. Beliau turut melemparkan ungkapan kepada Pengerusi seperti “*you have been throwing tantrums*” (rujuk laporan prosiding 9 Jun 2010, muka surat 29), “*you are indecisive*” (rujuk laporan prosiding 9 Jun 2010, muka surat 30), “*you are suffering from phobia that I called you a dictator, you got it last time. It goes on and on*” (rujuk laporan prosiding 9 Jun 2010, muka surat 31), “*you make it clear i called you a dictator, no one will..*” (rujuk laporan prosiding 9 Jun 2010, muka surat 31), “*action taken by you in Parliament and suspend me for one year, you tried that, but it didn’t work*” (rujuk laporan prosiding 9 Jun 2010, muka surat 31), “*you have been suffering from a phobia*” (rujuk laporan prosiding 9 Jun 2010, muka surat 32), “*you don’t have to throw tantrums like that*” (rujuk laporan prosiding 9 Jun 2010, muka surat 33).
22. Mesyuarat terpaksa ditangguhkan memandangkan situasi menjadi semakin tegang di atas sikap Yang Berhormat Bukit Gelugor yang berterusan menghina Pengerusi.

MESYUARAT KEEMPAT

23. Mesyuarat Keempat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan telah diadakan pada hari Jumaat, 3 Disember 2010 jam 9.30 pagi, di Bilik Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia.
24. Pengerusi memaklumkan bahawa pada mesyuarat terdahulu, iaitu 9 Jun 2010, dua orang saksi telah bersedia memberikan keterangan iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Mr. Brad Staples, Chief Executive Officer APCO Worldwide Europe, Middle-East and Africa Region. Namun mesyuarat telah ditangguhkan atas sebab-sebab yang semua Ahli sedia maklum dan kedua-dua saksi tidak dapat memberi keterangan.
25. Pengerusi juga menjelaskan bahawa beliau menerima surat daripada pihak APCO bertarikh 19 Ogos 2010. Surat tersebut memberi penjelasan mengenai peranan dan tugas mereka dengan Kerajaan Malaysia.
26. Pengerusi menarik perhatian Jawatankuasa kepada peruntukan Peraturan-peraturan Mesyuarat yang relevan dalam prosiding Jawatankuasa ini, iaitu Peraturan Mesyuarat 83(2) di mana Jawatankuasa boleh memanggil saksi-saksi, meminta surat-surat atau dokumen-dokumen yang relevan untuk diambil kira dalam membuat keputusan, Peraturan Mesyuarat 83(4) di mana perkara yang perlu ditimbang adalah terhad

kepada perkara yang telah dirujuk oleh Majlis kepada Jawatankuasa, iaitu dalam soal ini, Yang Berhormat Permatang Pauh dituduh mengemukakan hujah iaitu, '1Israel' dan '1Malaysia' itu adalah nasihat daripada APCO. Selain itu, Peraturan Mesyuarat 83(11) menyatakan bahawa Jawatankuasa boleh enggan untuk tidak memanggil saksi-saksi kalau pada pertimbangannya, apa-apa keterangan yang tidak berkaitan.

27. Yang Berhormat Muar menyatakan pendapat beliau bahawa dokumen-dokumen yang sedia ada, antaranya Penyata Rasmi mengenai kenyataan Yang Berhormat Permatang Pauh pada 17 Mac 2010, penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh pada 30 Mac 2010, dan perbahasan Usul Menteri pada 22 April 2010 serta pendirian Kerajaan terhadap APCO melalui jawapan-jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Serdang (22 Oktober 2009, soalan No 20), Yang Berhormat Tanah Merah (18 Mac 2010, soalan No 54) dan Yang Berhormat Seputeh (29 Mac 2010, soalan No 62), dan surat daripada APCO adalah memadai bagi Jawatankuasa untuk membuat keputusan. Beliau memetik jawapan daripada Yang Berhormat Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon yang menyatakan bahawa **tidak ada syarikat perhubungan tempatan atau luar negara yang diupah untuk mempromosi gagasan 1Malaysia secara khusus**. Yang Berhormat Muar menarik perhatian mesyuarat kepada kandungan surat daripada APCO pada muka surat pertama, perenggan 7, iaitu: *"We were engaged in June 2009 to provide communications support to the Government of Malaysia. We have been honored to do so. **We had nothing whatsoever to do with One Israel. We were not involved in the creation of 1Malaysia**"* dan

muka surat 3, perenggan 5, iaitu: *“The current engagement is to share best practices through the provision of Government-wide advice, training and capacity building. The work was designed to address the Government’s goals to improve the delivery of information to the public, to communicate quickly and transparently, and to utilise new online technologies. **APCO was not and is not involved in assisting the Government of Malaysia with formulating policies**”*. Yang Berhormat Muar menegaskan walaupun APCO memaklumkan penglibatannya dalam bidang komunikasi dan promosi, tetapi APCO tidak terlibat dalam membantu Kerajaan Malaysia dalam membuat dasar seperti Gagasan 1Malaysia. Beliau turut mencadangkan bahawa mesyuarat ini tidak perlu dipanjangkan kerana jelas kenyataan telah dibuat, peluang telah diberi untuk membuat penjelasan, Usul telah dibawa, dan dokumen yang sedia ada sudah memadai bagi sesuatu keputusan diperolehi. Beliau juga menarik perhatian mesyuarat bahawa perbincangan Jawatankuasa adalah terhad kepada perkara yang diserahkan oleh Majlis mengikut Peraturan Mesyuarat 83(4) dan dokumen-dokumen yang sedia ada memadai untuk Jawatankuasa Hak dan Kebebasan membuat keputusan.

28. Berdasarkan kepada justifikasi yang telah dinyatakan dan selepas perbincangan di kalangan Ahli Jawatankuasa, Yang Berhormat Muar telah mengemukakan Usul supaya Jawatankuasa meneruskan mesyuarat tanpa memanggil saksi. Undian secara belah bahagi telah dibuat di mana **empat (4)** orang Ahli bersetuju (**Yang Berhormat Alor Gajah, Batang Sadong, Beluran, dan Muar**) manakala **dua (2)** orang Ahli tidak bersetuju (**Yang**

Berhormat Bukit Gelugor dan Subang). Oleh yang demikian, Jawatankuasa bersetuju supaya mesyuarat diteruskan tanpa memanggil saksi-saksi.

29. Berdasarkan keputusan Jawatankuasa supaya mesyuarat diteruskan tanpa memanggil saksi-saksi, Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat Subang memaklumkan bahawa mereka tidak ingin lagi meneruskan penglibatan mereka dalam prosiding Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.
30. Ahli-ahli Jawatankuasa yang lain meneruskan mesyuarat bagi meneliti dokumen-dokumen dan berbincang mengenai kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada 17 Mac 2010, penjelasan Yang Berhormat Permatang Pauh pada 30 Mac 2010, peluang-peluang yang telah diberikan kepada beliau untuk membuat penjelasan, dan surat rasmi APCO. Susulan daripada perbincangan tersebut, Yang Berhormat Muar telah mencadangkan Usul supaya mengikut Peraturan Mesyuarat 83(2), 83(4), 83(11), dan dokumen-dokumen yang dirujuk seperti:-
 - a. Hansard 17 Mac 2010, mengandungi dakwaan Yang Berhormat Permatang Pauh “1999 Satu Israel, 2009 APCO menasihati Perdana Menteri Dato’ Sri Najib 1Malaysia” (***Rujuk hansard bertarikh 17 Mac 2010, muka surat 76, perenggan 3***);

- b. Hansard 30 Mac 2010 iaitu penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh di dalam Dewan. (***Rujuk hansard 30 Mac 2010, muka surat 32-43***);
- c. Jawapan-jawapan Kerajaan bagi soalan lisan:-
 - i. Yang Berhormat Serdang (22 Oktober 2009, soalan No 20)
 - ii. Yang Berhormat Tanah Merah (18 Mac 2010, soalan No 54)
 - iii. Yang Berhormat Seputeh (29 Mac 2010, soalan No 62);
- d. Hansard 1 April 2010 iaitu Jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa penggulungan perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong. (***Rujuk hansard 1 April 2010, muka surat 172***); dan
- e. Surat rasmi daripada APCO Worldwide bertarikh 19 Ogos, 2010 kepada Jawatankuasa yang menafikan penglibatan mereka dalam Gagasan 1Malaysia,

adalah mencukupi untuk memutuskan bahawa dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh adalah tidak benar dan beliau telah menyalahi hak dan keistimewaan sebagai Ahli Parlimen.

- 31. Pengerusi mengemukakan masalah bahawa Jawatankuasa ini, setelah mengkaji fakta-fakta yang dikemukakan, mendapati bahawa dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh adalah tidak benar dan

beliau telah menyalahi hak dan keistimewaan sebagai Ahli Parlimen dan seterusnya Jawatankuasa ini membuat syor kepada Majlis. Usul disetujukan.

32. Ahli-ahli Jawatankuasa juga bersetuju bahawa dakwaan-dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh adalah sangat berat sehingga boleh menjejaskan pandangan masyarakat terhadap Gagasan 1Malaysia. Jawatankuasa membuat syor supaya hukuman yang setimpal dikenakan terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh. Pengerusi mengemukakan masalah bahawa Yang Berhormat Permatang Pauh digantung tugas sebagai Ahli Parlimen selama 6 bulan. Usul disetujukan.


33. Ahli-ahli Jawatankuasa memandang berat terhadap kelakuan Yang Berhormat Bukit Gelugor yang berterusan menghina Pengerusi berdasarkan tindakan beliau pada mesyuarat ketiga iaitu pada 9 Jun 2010 sehingga menyebabkan mesyuarat terpaksa ditangguhkan. Ahli-ahli Jawatankuasa turut melahirkan kekesalan terhadap kelakuan Yang Berhormat Bukit Gelugor yang tidak menghormati dan memperkecilkan kelayakan Ahli Jawatankuasa yang lain seperti perkataan yang telah diungkapkan kepada Yang Berhormat Muar, *"where were you trained?"* dan *"you were not trained properly"* (rujuk muka surat 18, laporan prosiding 3 Disember 2010). Bagi mengelakkan perkara-perkara sedemikian tidak berlaku lagi di masa hadapan, Jawatankuasa mengesyorkan supaya dikenakan pencelaan (*admonishment*) oleh Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Pengerusi mengemukakan masalah

bahawa Jawatankuasa membuat syor supaya dikenakan pencelaan (*admonishment*) oleh Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Usul disetujukan.

SYOR DAN KEPUTUSAN JAWATANKUASA

34. Setelah meneliti keterangan-keterangan di hadapan mesyuarat, Jawatankuasa bersetuju bahawa dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh adalah tidak benar dan beliau telah menyalahi hak dan keistimewaan sebagai Ahli Parlimen.
35. Oleh yang demikian, Jawatankuasa memutuskan dan bersetuju Yang Berhormat Permatang Pauh hendaklah **digantung tugas dari jawatannya sebagai Ahli Parlimen selama 6 bulan.**

36. Jawatankuasa amat memandang berat tindakan Yang Berhormat Bukit Gelugor yang secara berterusan membuat pelbagai dakwaan menghina terhadap Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Jawatankuasa turut melahirkan kekesalan terhadap kelakuan Yang Berhormat Bukit Gelugor yang tidak menghormati dan memperkecilkan sesama Ahli Jawatankuasa yang lain. Bagi mengelakkan supaya perkara sedemikian tidak berlaku lagi di masa hadapan, oleh yang demikian Jawatankuasa mengesyorkan supaya dikenakan **pencelaan (*admonishment*) oleh Tuan Yang di-Pertua** kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor.



Yang Berhormat Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia
Pengerusi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

**CERAIAN DARIPADA
PENYATA RASMI DEWAN
RAKYAT**

17 MAC 2010(RABU)

DAKWAAN YB DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, AHLI
PARLIMEN PERMATANG PAUH
BERKENAAN "1999 SATU
ISRAEL. 2009 APCO MENASIHATI
PERDANA MENTERI, DATO' SRI
MOHD NAJIB 1 MALAYSIA".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya dengar Yang Berhormat Rembau, kita perlu tunggu dahulu. Kalau dia kata dia hendak jawab. Tunggu dengar dia jawab dahulu. Akan tetapi kalau tiap-tiap satu ayat perkataan hendak kita bantah, mungkin jawapan itu pun tidak sampai.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bersorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat. Saya bukan perlukan sorakan orang Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Akan tetapi Anak Tun Mahathir pun *best*. Boleh... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua, yang dibangkitkan juga masalah ternakan khinzir. Ternakan khinzir di Kedah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Labis mengatakan bahawa kita... Bukan ternakan ya?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Penyembelihan khinzir. Penyembelihan ini di masa UMNO selama 30 tahun, tidak berlesen. Keduanya, bantahan penduduk ada. Yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kedah di bawah pimpinan Ustaz Azizan, kawasan babi ini 30 tahun beroperasi. Tidak ada lesen. Akan tetapi UMNO tidak ambil tindakan. Pencemaran alam sekitar berdekatan dengan Sungai Kedah dan penempatan. Bantahan penduduk setempat tidak diambil tindakan. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kedah ialah memindahkan dengan persetujuan syarikat penyembelih ini ke tempat baru di kawasan Kampung Tok Pawang Semeling. Ini yang dilakukan, salah apa lagi ini?

Tidak ada lesen, tidak bantah. Apabila kita pindah, dibantah. Jadi saya harap hal-hal ini kalau kita rujuk kepada fakta, termasuk soal Cina, Melayu, India, kita rujuk kepada fakta. Saya bagi tahu sekurang-kurangnya Pulau Pinang, Selangor ada *target* khas membasmi kemiskinan tegar yang tidak dilakukan oleh negeri-negeri lain. Dibangkitkan juga soal Raja-Raja Melayu. Yang Berhormat Pasir Salak mengatakan bahawa kita ini menentang raja-raja. Baca Hansard sahajalah, daripada 89-93. Apa kata pemimpin-pemimpin UMNO daripada Raja-Raja? Apakah kita konsisten untuk menyatakan bahawa kita ini mendaulatkan sistem Raja. Dalam Perlembagaan jelas dan pendirian kita jelas.

Ada hal yang kita rujuk ke mahkamah kerana kita rasa keputusan nasihat yang diberikan oleh Menteri Besar atau kerajaan atau Perdana Menteri tidak bertepatan. Akan tetapi tidak konsisten. Dalam kes Perak. Ahli-ahli Yang Berhormat dari UMNO

semuanya mahu raja seolah-olah kuasa mutlak sampai Mahkamah Persekutuan memberi keputusan 5-0. Maknanya keputusan mutlak Raja-Raja. Dalam Peruntukan Perlembagaan 43(5) ada beberapa peruntukan khusus kuasa Raja-Raja termasuk menerima peletakan jawatan atau pemecatan atau pelantikan. Saya rujuk ini ke mahkamah dalam isu pemecatan 1998. Apa mahkamah kata? Kuasa mutlak Perdana Menteri. Jadi yang mana satu? Hendak suruh kita hormat Perlembagaan undang-undang, keputusan hakim. Ada dua kes. Satu keputusan 5-0 kuasa mutlak Raja-Raja kerana memihak kepada UMNO.

Dalam kes yang saya bawa 43(5) dan saya bawa dengan yakin kerana Tuanku Almarhum Tuanku Jaafar di hadapan saya Dato' Seri Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain dan Tuanku Najihah memaklumkan Baginda Yang di-Pertuan Agong ketika itu tidak memperkenan. Tidak dimaklum dan tidak diperkenan pada 2 September 1998. Maka melihat kepada peruntukan Perlembagaan 43(5), kita bawa. Apa keputusan mahkamah? 3-0. Keputusannya Agong tidak ada kuasa sama sekali walaupun dalam 43(5), Agong mesti dimaklumkan dan diperkenan pelantikan Menteri dan pemecatan. Kuasanya, kuasa Perdana Menteri kita tidak pertikai. Akan tetapi prosesnya adalah dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

■1450

Apa keputusan Mahkamah Persekutuan? 3-0. Kuasa mutlak pada Perdana Menteri. Jadi ini yang harus kita perhatikan kalau kita betul-betul pertahankan semangat perlembagaan. Semalam Perdana Menteri menyebut semangat Perlembagaan. Apa-apa perubahan ikut prinsip Perlembagaan. Kemudian diulang oleh Ahli-ahli Yang Berhormat UMNO tetapi yang saya tekankan ini prinsip Perlembagaan. Saudara tanya bahawa dalam Pakatan Rakyat tidak ada keputusan itu. Sebab itu saya bawa dokumen ini yang ditandatangani saudara kata pelaksanaannya tidak seberapa.

Isu lain. Pertama tuduhan bahawa kita tidak tunduk kepada prinsip Perlembagaan ini tidak tepat. Ini yang saya jelaskan dahulu. Kalau masalah yang dikatakan pelaksanaannya tidak tepat seperti mana yang kes geran tanah Terengganu baik, Perak baik saya sudah jelaskan. Saya ada seperkara kecil sahaja sentuh bila Perdana Menteri dalam ucapan sebentar tadi menjawab isu yang saya bangkitkan sebelum berehat makan tengah hari tentang PERMATA.

Saya tidak pertikai peranan Yang Amat Berbahagia isteri Perdana Menteri menjalankan projek PERMATA. Saya tidak ada halangan bahkan bersetuju kalau langkah-langkah yang baik. Saya hanya pertikai mengapa satu projek ini dimasukkan

dengan diminta dalam Titah Diraja memberikan perhatian dan pujian. Mengapa puluhan projek lain yang diusahakan oleh pemimpin-pemimpin wanita itu tidak diambil kira kerana draf itu akhirnya adalah draf dan titah ucapan itu dikemukakan oleh Perdana Menteri.

Saya hendak sentuh sedikit tentang 1Malaysia. 1Malaysia 1Gagasan tidak payah kita pertikaikan, hendak menyatupadukan rakyat. Bunyinya lunak tetapi saya cuma hendak ingatkan cadangan yang dikemukakan oleh APCO syarikat perunding antarabangsa yang ditunjangi oleh dua tokoh Israel, bukan Yahudi, tokoh Israel. Ia ada Yahudi tetapi isunya bukan isu Yahudi isu dari Israel. Bekas Duta Israel ke Amerika Syarikat dan satu lagi seorang lagi bekas Duta Israel ke Jerman. Bukan orang Yahudi di tempat lain ini orang Israel yang mendukung fahaman Zionis yang menindas rakyat Palestin yang mengepung Gaza. Orang ini yang menerajui APCO dan APCO. dibayar oleh Perdana Menteri untuk menasihat.

Tidak jadi isu kepada UMNO. Mesti sokong dan amin semua tetapi satu perkara yang penting bila kita sebut 1Malaysia. Pada tahun 1999 APCO harum namanya kerana diambil oleh Ehud Barak, sekarang Menteri Pertahanan yang ada pertemuan khas dengan Menteri Pertahanan Malaysia baru-baru ini. Ehud Barak Perdana Menteri Israel 1999 mengambil APCO dan APCO menasihatkan Ehud Barak supaya menggunakan slogan baru untuk Israel. 1999 satu Israel. 2009 APCO menasihat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib 1Malaysia. Selainnya tafsiran sendiri.

Akan tetapi orang-orang ini kemudian memfitnah kita sebagai alat Yahudi sekarang ini alat China, perkakas China. Orang-orang ini juga terlibat dalam pentadbiran Perdana Menteri yang lalu menyambung bantuan pelobi yang diketahui oleh Ahli Parlimen Putrajaya. Apa dia? Menggunakan khidmat seorang pelobi Yahudi terkenal di Amerika yang juga tauke judi yang menipu *Red Indians* kerana membina kasino dan menipu mereka. Jack Abramoff namanya.

Jack Abramoff dibayar oleh pemimpin-pemimpin UMNO untuk mendekatkan Perdana Menteri dengan pentadbiran Amerika Syarikat pada ketika itu George W. Bush. Ada *congressional notes* yang mengesahkan apa yang saya sebut pada hari ini. Jadi oleh yang demikian jangan kita pakai hentam kromo memfitnah orang pada hal kenyataannya tentang Jack Abramoff dan APCO. Itu yang nyata. Saya hendak tanya mana dia ustaz, ustazah Menteri agama? Apa pendirian mereka dalam isu-isu seperti ini? Jangan tanya Setiausaha Agung UMNO tanya yang lain.

Ini Jack Abramoff bukan masalah dia Yahudi dia itu pelobi yang *NeoCon*, *neoconservative*, pandangannya ekstrem dan yang paling parah menipu kepada dalam membina kasino di tanah orang *Red Indians* di Amerika Syarikat dan tidak dibayar. Kita bicara soal 1Malaysia.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Permatang Pauh. Pertamanya Yang Berhormat Permatang Pauh terima kasih bagi laluan sekali lagi. Saya hendak tanya manakah bukti yang kaitkan APCO itu dengan kempen 1Israel, bukti kukuh yang kaitkan bahawa APCO itu adalah pencetus kepada kempen 1Israel yang diperkenalkan Perdana Menteri Israel Ehud Barak pada tahun 1999.

Kedua, Yang Berhormat Permatang Pauh perlu *clarify* sedikit sebab dalam ucapan tadi seolah-olah APCO ini diterajui oleh duta ataupun bekas-bekas Duta Israel. Mereka ini bukanlah *executive* dalam APCO mereka ini adalah sebahagian daripada *International Advisory Board*. Sama dengan ramai lagi 20, 25 orang lagi dalam *Advisory Board* APCO.

Ketiga tadi Yang Berhormat Permatang Pauh sebut tentang kaitan dengan *NeoCon*. Benda ini perlu dibangkitkan sekali lagi sebab saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat Permatang Pauh berucap tanpa segan silu atas hipokrasi sendiri. Apakah kaitan Yang Berhormat dengan Paul Wolfowitz? Kalau kita kata tentang *NeoCon* dialah *God Father* kepada *Neoconservative* di United State di Amerika Syarikat. Yang Berhormat Permatang Pauh sendiri terima jawatan *Chairman of Future Foundation* daripada *World Bank* pada waktu itu diterajui oleh Paul Wolfowitz.

Jadi di sini jangan kita hipokrit. Kalau dikaitkan kita dengan *NeoCon* yang ada agenda yang begitu buruk untuk menindas dunia Islam. Yang Berhormat Permatang Pauh *you are complicit as well* dengan izin.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Sekurang-kurangnya dia mengaku kalau *you are complicit as well* maknanya *they are involved with the* Yahudi. Okey *thank you very much*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *But are you complicit? Are you complicit?*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya. Ketua UMNO *the fact that your are admitted you are complicit they shameful*. Tokoh Melayu pertahan Islam *complicit* dengan *NeoCon*.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *Are you complicit? Are you complicit?*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Okey. *Let me, let me reply.*
Jangan biadab, jangan biadab biar kita terangkan biar saya jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Daripada tadi tidak jawab soalan saya? Soalan saya Bayan Baru, soalan saya *NeoCon* tidak jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Bukan bapak mentua awak jadi Perdana Menteri sekarang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Permatang Pauh tidak boleh elak, tidak boleh elak tidak boleh lari kena jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Ya. *You* bukan menantu Perdana Menteri sekarang.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Yang Berhormat Permatang Pauh kena jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Saya hendak sebut. Ya saya jawab, saya jawab.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: You kena jawab. *You cannot answer me.*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: You tanya saya jawab *let me reply.*

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *You are not answer my question. You are helpless. You cannot answer.*

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: *You see in display arrogant of* Pemuda UMNO.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: *This is not arrogant.* Saya minta tolong jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Dia kalah kita jawab tidak boleh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Saya minta tolong jawab.

Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tolong Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Sebagai bekas Ketua Pemuda... Tolong jawab sedikit.

**CERAIAN DARIPADA
PENYATA RASMI DEWAN
RAKYAT**

30 MAC 2010(SELASA)

**PENJELASAN YB DATO' SERI
ANWAR BIN IBRAHIM, AHLI
PARLIMEN PERMATANG PAUH
BERKENAAN ISU APCO.**

isu yang kita sama-sama dapat bersatu. Kita panggil *non partisan or bipartisan* satu ketika.

Saya menggesa dipertimbangkan juga semula usul ini kerana ini mempunyai kepentingan yang besar kepada negara dalam menyatakan sikap kita terhadap keganasan rejim Zionis Israel, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau saya ingin memaklumkan bahawa memang benar Yang Berhormat telah mengemukakan usul di bawah 18(1). Seperti yang dimaklumkan tadi bahawa Yang Berhormat juga telah pun diutus satu surat oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan memaklumkan bahawa usul Yang Berhormat itu telah pun ditolak di dalam kamar. Seperti mana Peraturan Mesyuarat 18(8) *“Mana-mana Usul yang ditolak di bawah perenggan (7) tidak boleh dikemukakan dan tidak boleh dibaca dalam Majlis Mesyuarat”*. Saya terikat dengan peraturan mesyuarat dan lazimnya mana-mana usul yang telah ditolak di dalam kamar tidak akan dibahaskan di dalam Dewan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang dimaklumkan oleh Ketua Pembangkang Ahli Parlimen Permatang Pauh melalui surat bertarikh 22 Mac 2010 dan perbincangan saya dengan Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Permatang Pauh untuk memberi penjelasan terhadap isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Belud iaitu 1999 1Israel, 2009 APCO, penasihat Perdana Menteri Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, 1Malaysia. Saya ingin memaklumkan bahawa saya tidak membenarkan sebarang pencelahan semasa Yang Berhormat Permatang Pauh memberi penjelasan terhadap isu ini. Silakan Yang Berhormat Permatang Pauh.

■1140

11.40 pg.

Dato’ Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk memberi penjelasan mengenai peranan dan skop penglibatan firma perhubungan awam bernama APCO. Isu ini wajar diberi perhatian khusus kerana ia bukannya sekadar isu 1Malaysia atau 1Israel atau tohmahan yang dilemparkan kepada saya sebagai seorang ejen Yahudi. Namun demikian, isu-isu yang terbabit ditenggelami jika hendak dibandingkan dengan skandal dahsyat yang bakal saya dedahkan pada hari ini, yang tidak bersangkutan dengan kedudukan, sama ada reputasi saya ataupun rakan-rakan.

Sesungguhnya keselamatan negara kita dalam bahaya. Isu ini membongkar politik kronisme yang membarah serta rundingan sulit pihak tertentu sehingga membelakangkan kepentingan rakyat dan negara. Tidak dapat dinafikan lagi, kini wujud ancaman terhadap keselamatan nasional, maklumat strategik negara terdedah kepada agen perisikan asing khususnya Israel dan tercalarnya maruah umat.

Bagi mengelak sebarang keraguan penjelasan saya hari ini bukan sekadar muslihat politik ataupun tuduhan tidak berasas, *insya-Allah* setiap kenyataan saya ini akan disokong dengan dokumen, rencana, malah salinan perjanjian yang ditandatangani oleh pihak-pihak terlibat termasuk Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Israel. *[Tepuk]*

Sehingga kini Perdana Menteri belumpun memberi sebarang maklum balas terhadap gesaan saya, agar segera mendedahkan serta memperincikan bentuk hubungan di antara kerajaan dan APCO, apa skop tugasnya, jumlah dana yang diperuntukkan, setiap penama penasihat yang terbabit, peranan serta pengaruh mereka dalam kerajaan dan jaringannya. Selama ini kita hanya dimaklumkan bahawa penglibatan APCO adalah terhad tetapi kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan kebelakangan ini menunjukkan penglibatan yang lebih menyeluruh dan membimbangkan.

Ini berdasarkan jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dua, tiga kali yang menyatakan di Parlimen, kerajaan ada melantik syarikat APCO Worldwide Sdn. Bhd. untuk melaksana perkhidmatan berkaitan komunikasi kepada Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Syarikat APCO Worldwide juga disarankan menjayakan program untuk mempromosi dan meningkatkan imej negara di luar negara. Manakala APCO sendiri, yang pertama tadi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tanah Merah, 16 November 2009.

Kedua, kenyataan APCO yang merumus penglibatan mereka seperti berikut: 18 Mac 2010: *“APCO’s work has included communication support for a broad range of reform initiatives, undertaken by the government of Malaysia especially in the areas of creating jobs, promoting education and strengthening delivery of services to the people.”* Kenyataan tersebut sebenarnya membuka pekong serta memunculkan lebih banyak persoalan. Ini bukan syarikat perhubungan awam biasa yang sekadar menulis ucapan, mahupun kenyataan akhbar ataupun bertindak melonjakkan imej Perdana Menteri. Itu pun amat dikelaskan kerana ia dilakukan dengan menggunakan dana rakyat. Dilaporkan usaha ini menelan belanja sekitar RM20 juta. Secara sedar ataupun tidak, kenyataan APCO mengakui bahawa lantikannya adalah untuk membantu strategi komunikasi yang

menyeluruh. Ini bermakna firma tersebut terlibat secara langsung memberi bantuan komunikasi di dalam pelbagai inisiatif dan dasar kerajaan.

Reform initiatives – ini bermakna APCO terlibat secara langsung dalam mempengaruhi mesej yang disampaikan kepada rakyat. Saya akan terangkan dengan mendalam kenapa perkara ini sangat merbahaya kepada rakyat dan negara.

Pada 18 Mac tahun ini, APCO mengeluarkan kenyataan menafikan penglibatan mereka dengan Gagasan 1Malaysia. Kononnya konsep itu wujud sebelum APCO dilantik sebagai firma perunding. Penafian yang dibuat oleh APCO itu merupakan usaha mereka untuk mengelirukan kita akan tarikh sebenar firma tersebut terbabit dengan pentadbiran Perdana Menteri sekarang. Penafian tersebut menggambarkan bahawa ia tidak mempunyai sebarang hubungan dengan pentadbiran Dato' Sri Mohd. Najib ataupun Dato' Sri Mohd. Najib sendiri, pembantunya atau para penasihatnya.

Sebuah portal berita telah melaporkan pada 28 Julai 2009 setakat mana penglibatan APCO dengan pentadbiran Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib. Antara lain dilaporkan bahawa perkhidmatan APCO diperkenalkan kepada Perdana Menteri oleh Omar Mustapha, penasihat Perdana Menteri dan juga teman Yang Berhormat Rembau dalam firma perundingan Ethos Consultancy.

Saya akan buktikan selepas ini bagaimana perkaitan di antara Omar Mustapha dan APCO, sebelum APCO dilantik secara rasmi sebagai perunding kerajaan.

Walaupun ia diumumkan kepada negara dan rakyat bahawa 1Malaysia dicetuskan oleh Perdana Menteri, peranan Ethos Consultancy tidak boleh diremehkan. Ternyata kebanyakan daripada kita tidak menyedari hubungan akrab eksekutif Ethos dan APCO yang masih berterusan.

Oleh sebab itu kita tidak hairan sebaik sahaja Dato' Sri Mohd. Najib menjadi Perdana Menteri, Omar Mustapha dikhabarkan membawa masuk APCO sebagai perunding komunikasi kerajaan. Malah kita mendengar berita dengan jelas telah pun ditempatkan di pejabat PM sejak dari awal PM mengambil alih... [Disorak] APCO dilaporkan secara langsung dalam menentukan strategi 100 hari pentadbirannya, termasuk mesej dan dasar utama 1Malaysia dan inisiatif lain. Berdasarkan laporan tersebut, pegawai-pegawai kanan kerajaan dikatakan tidak selesa apabila PM ingin menganugerahkan kontrak bernilai RM20 juta kepada APCO untuk meneruskan kerja-kerja rundingan dengan kerajaan. Kontrak itu dijangka dianugerahkan di antara bulan Julai dan September 2009 iaitu selepas penglibatan individu daripada APCO yang dibawa masuk pada tempoh awal Perdana Menteri mengambil alih.

Semua ini bukan saya yang kata, bukan Pakatan Rakyat yang cipta, dilaporkan sejak tahun lalu, ia belum dinafikan oleh pihak kerajaan sehingga sekarang. Oleh sebab itu mengambil kira beberapa peristiwa atau contoh yang berlaku apabila kerajaan ditipu oleh penasihat-penasihat asing sehingga menyebabkan kerugian berbilion ringgit atau diaibkan di peringkat antarabangsa, saya melihat episod pelantikan APCO sebagai satu lagi kelalaian yang boleh merugi dan malah membahayakan negara.

Tanggungjawab saya memperingatkan Perdana Menteri dan kerajaan untuk tidak mengulangi kesilapan dan kelalaian lalu apabila terlalu percayakan penasihat asing, sehinggakan kita tidak memeriksa dengan tepat *reputation* mereka, serta penglibatan mereka sebelum ini. Apatah lagi pelantikan tersebut diselubungi misteri dan tanpa penelitian.

Dulu mantan Perdana Menteri mengizinkan kerajaan melantik David Zaidner dari firma Marc Rich untuk menasihati agensi kerajaan dan Bank Bumiputera cuba memanipulasi pasaran timah sedunia sehingga kita mengalami kerugian besar. Tidak sewajarnya kita melupakan skandal Maminco. Mantan Perdana Menteri kita itu seolah-olah tidak meneliti dahulu rekod David Zaidner yang diketahui umum tidak suka peraturan dan undang-undang di dalam amalannya.

Kemudian episod yang membabitkan Jack Abramoff hanya untuk mendapatkan satu temu janji dengan Presiden Bush dalam tahun 2002 dengan membayar USD1.2 juta tanpa memeriksa dulu latar belakang Jack Abramoff. Dalam tahun 2006, Kerajaan Malaysia dimalukan apabila Jack Abramoff didapati bersalah menipu dalam transaksi kewangan sehingga dipenjarakan dan pada masa itulah semua penglibatan Kerajaan Malaysia terbongkar. Jack Abramoff juga merupakan seorang pelobi yang terlibat dalam penipuan tanah kaum peribumi Amerika Syarikat, Red Indian untuk tujuan pembinaan kasino, satu lagi tauke judi. Pelantikan Abramoff juga dibuat dengan penuh kerahsiaan, dan pasti tidak diketahui umum sekiranya Abramoff tidak diheret ke muka pengadilan di Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun mantan Perdana Menteri tersebut hanya memberikan tugas yang spesifik kepada firma Marc Rich dan Jack Abramoff dan tidak melibatkan perjalanan jentera kerajaan secara menyeluruh. Dalam konteks ini kita melahirkan kebimbangan kerana kenyataan kerajaan sendiri menjelaskan bahawa mereka memainkan peranan penting membentuk strategi komunikasi kerajaan dalam dasar-dasar penting terutamanya melibatkan rakyat. Kenyataan APCO menyatakan, saya *quote* dengan izin, “*will work to assist in strengthening the government’s online and*

others strategic communication capabilities, to speed the delivery of accurate information to the media and public."

■1150

Sekarang kebimbangan kita bukan sahaja latar belakang APCO tetapi bentuk penglibatan APCO dengan Kerajaan Malaysia dan apakah maklumat yang telah dikongsi oleh kerajaan dengan APCO. Sebelum kita meneliti dengan lebih dalam kenapa penglibatan APCO secara rapat dengan kerajaan merupakan satu risiko yang besar yang wajar kita elakkan. Kita perlu meneliti dahulu *modus operandi* firma-firma seperti APCO. Hanya dengan memahami *modus operandi* digunakan oleh APCO baru kita boleh memahami kenapa penglibatan APCO dengan Kerajaan Malaysia diselubungi misteri dan rahsia.

APCO memang sebuah firma hubungan awam bertaraf antarabangsa. Reputasinya digilap kerana penglibatan tokoh-tokoh yang ada kaitan dengan pentadbiran Amerika Syarikat ataupun ahli-ahli politik di Capitol Hill. Pada masa yang sama APCO juga menggunakan khidmat mereka yang mempunyai pengaruh di dalam bidang atau kerajaan masing-masing. Kalau kita lihat senarai panel penasihat antarabangnya, ahli panel penasihat APCO termasuklah beberapa tokoh diplomatik dan tokoh perisikan Israel. Oleh itu adalah penting untuk Dewan Rakyat memahami bahawa reputasi APCO adalah sebagai sebuah firma pelobi.

Apa fungsi firma pelobi di Washington? Selalunya mereka akan mengaturkan perjumpaan atau seminar seperti yang diadakan baru-baru ini. Untuk membaiki imej sebuah organisasi terutamanya, pemimpin-pemimpin yang mempunyai rekod hak asasi atau rasuah yang terburuk di mata dunia. Jadi fungsi utama mereka adalah melunakkan, membaiki imej pemimpin-pemimpin yang mempunyai rekod yang tidak baik. Saya akan senaraikan selepas ini contoh-contoh pemimpin sebegini. Secara tidak langsung kini Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib telah mendapat penghormatan mahu diheret dan digolok dengan pemimpin-pemimpin sedemikian.

Untuk menjalankan tugas ini APCO mereka perlu menjaga nama dan *reputation* mereka sebagai firma perhubungan awam. Sebab itu ada beberapa perkara penting di dalam *modus operandi* mereka yang perlu kita fahami. Pertama, mana-mana pihak yang mengambil APCO sebagai perunding akan menandatangani perjanjian. Salah satu bahagian utama perjanjian adalah mengenai perkara-perkara rahsia dengan izin, *confidentiality* atau *non-disclosure*. Reputasi APCO sebagai firma pelobi banyak bergantung kepada kemampuannya menangkis soalan-soalan mengenai peranan dan

penglibatannya dengan badan yang melantiknya terutama pemimpin-pemimpin yang berimej buruk.

Sebab itulah tidak sukar untuk Barisan Nasional mengaburi mata rakyat dengan meminta APCO mengeluarkan kenyataan menafikan penglibatan mereka dalam 1Malaysia atau peranan sebenar dalam Kerajaan Malaysia. Biar saya ingatkan bahawa rakyat Malaysia tidak mudah untuk diputarbelitkan. Mereka faham bahawa adalah menjadi sebahagian dari tugas APCO seperti termaktub dalam perjanjian lantikan bersabit perkara-perkara sulit dan rahsia. Untuk melindungi *client* mereka dan secara langsung menafikan penglibatan. Saya ambil contoh dua perjanjian lantikan yang melibatkan APCO.

Pertama, yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan APCO bertarikh 4 Ogos 2009. Secara khusus memberi tugas kepada APCO untuk membaik pulih imej Kerajaan Malaysia. Ini aneh dalam kerajaan - tandatangan di antara kerajaan dengan syarikat. Dalam konteks ini ia ditandatangani oleh pegawai dan disaksikan oleh Setiausaha Akhbar Perdana Menteri sendiri iaitu Datuk Tengku Sariffuddin Tengku Ahmad. Ia menunjukkan hubungan langsung APCO dengan Perdana Menteri, sedangkan pada kebiasaannya perjanjian kerajaan hanyalah ditandatangani oleh pegawai-pegawai kerajaan.

Satu lagi contoh ialah perjanjian lantikan Kerajaan Israel yang melantik APCO menjalankan tugas yang sama. Pada jangka waktu yang sama iaitu Januari 1992, Ehud Barak berkhidmat sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera negara Israel. Saya akan jelaskan hubungan APCO dan ketenteraan dan *intelligence* Israel dan bagaimana penglibatan pegawai pengarah risikan Israel yang menjadi pegawai utama APCO. Kedua-dua perjanjian ini yang akan saya serahkan kepada Tuan Yang di-Pertua jelas menghuraikan peranan APCO sebagai pelobi. Antara lain menyimpan rahsia-rahsia kerajaan yang diberikan kepada APCO dalam menjalankan tugas. APCO tidak boleh mendedahkan maklumat kecuali diberi keizinan oleh kerajaan berkenaan - Israel atau Malaysia dalam konteks ini.

APCO malahan terlibat dengan apa yang dipanggil sebagai komunikasi strategik secara menyeluruh. Kita justeru itu berhak menuntut kerajaan dan Perdana Menteri datang ke Dewan terus terang mengenai perjanjian yang telah ditandatangani dengan APCO. Terutamanya semua soalan yang telah saya timbulkan minggu lalu mengenai tugas, bayaran, penasihat terbabit dan pengaruh mereka dalam seluruh jaringan kerajaan setakat ini.

Berbalik kepada *modus operandi* yang kita katakan tadi, APCO dalam operasinya membentuk pertalian dengan kerajaan-kerajaan yang melantiknya sebagai firma bersekutu. Ada yang atas nama APCO - ini yang dipertikai. Ada yang katakan sebelum APCO tidak ada, tidak benar kerana APCO berfungsi kalau dilihat cara *modus operandi*nya dengan firma bersekutu (*associates*) di seluruh dunia. Selain ASERO, firma bersekutu lainnya adalah *Global Political Strategies*.

Di Israel, salah satu firma bersekutu adalah *ASERO Worldwide* yang diketuai oleh Doron Bergerbest-Eilon. Ingat - bekas Ketua Perlindungan Keselamatan, Agensi Keselamatan Israel dengan berpangkat Mejar Jeneral. Selain peranan beliau dalam eksekutif, beliau juga adalah seorang penasihat antarabangsa kepada APCO. Jadi kontrak yang melantik APCO tidak semestinya di antara APCO dengan kerajaan semata-mata. Kerajaan boleh sahaja melantik firma bersekutu APCO tetapi tenaga pakar dan jaringan penasihatnya serta jaringan sekutunya adalah dari APCO.

Ini kita pertahankan dengan rekod yang ada. Kalau di Israel lantikan dibuat melalui *ASERO Worldwide* - syarikat sekutu APCO. Contohnya kontrak lantikan bertarikh 9 Januari 1992 adalah di antara Kerajaan Israel dengan sebuah firma bersekutu APCO bernama *GCI International*. Akan tetapi apabila kita meneliti kandungan perjanjian tersebut, termasuk tenaga utama yang akan menjalankan tugas melobi - pengurus kanannya adalah Margery Kraus yang kini CEO kepada APCO. Oleh sebab itu kita perlu berhati-hati dengan penafian oleh APCO bahawa ia tidak terlibat. APCO sebagai sebuah firma mungkin tidak terlibat dengan idea Gagasan 1Malaysia.

Apa mungkin Perdana Menteri hadir di Dewan dan menyatakan secara tegas bahawa tidak ada mana-mana individu yang ada kaitan dengan APCO atau firma bersekutu APCO atau dengan APCO penasihatnya yang terlibat dengan gagasan 1Malaysia. Kita pertikai gagasan penting bagi pentadbiran sekarang tidak tergolong dengan apa yang dikira sebahagian dari komunikasi yang menyeluruh. Komunikasi menyeluruh tidak termasuk mempromosi 1Malaysia - ini aneh.

Bolehkah Perdana Menteri menerangkan, adakah sebelum Ethos atau Omar Mustapha yang dikatakan bertanggungjawab membawa Gagasan 1Malaysia bagi pertimbangan Perdana Menteri - atau mana-mana eksekutif Ethos tidak mempunyai apa-apa hubungan langsung dengan mana-mana individu yang dikaitkan dengan APCO. Perdana Menteri perlu menerangkan adakah kerajaan atau Ethos atau mana-mana firma dilantik oleh kerajaan pernah melantik Mind Teams Sdn. Bhd.

Mind Teams Sdn. Bhd. iaitu nama syarikat sebelum APCO secara rasmi bertapak di Kuala Lumpur. Jadi kalau perjanjian APCO itu bertarikh sedemikian sebelum APCO ada diwujudkan Mind Teams Sdn. Bhd. Siapa yang mengetuainya? Dua-dua tokoh besar APCO. Nama Mind Teams Sdn. Bhd. Paul Stadlen - Pengarah Mind Teams Sdn. Bhd. dan sekarang CEO APCO Kuala Lumpur.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Orang mana itu, orang Bukit Dewa kah?

Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Seorang lagi ialah Margery Kraus yang saya ramalkan tadi. Siapa dia? Sekarang CEO APCO - individu penting yang terlibat dengan perjanjian dan akaun di Israel.

■1200

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu menerangkan kepada Dewan, ya Menteri Agama terpaksa keluar – Kenapa Omar Mustapha penasihat yang dipercayai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melaporkan bahawa APCO untuk menasihati kerajaan dalam dasar-dasar penting terutama 1Malaysia. Tidakkah ini menimbulkan persoalan mengenai perkaitan di antara Ethos, APCO dan 1Malaysia? Oleh sebab itulah Omar Mustapha sekarang ditolak juga walaupun Lembaga Pengarah Petronas menolak penyertaan beliau sebagai Pengarah kerana gagal membayar biasiswa, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri masih mendesak dan Petronas akhirnya terpaksa menerima Omar Mustapha.

Soalan-soalan ini Tuan Yang di-Pertua perlu dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana kita tahu modus operandi APCO diselubungi dengan rahsia melibatkan banyak individu yang bernaung dengannya tetapi menggunakan firma-firma yang berlainan. Apakah kebimbangan kita? Kerajaan Malaysia dan APCO bersabit dengan rekod APCO dengan pemimpin-pemimpin yang mempunyai rekod hak asasi manusia ataupun penyelewengan harta rakyat di seluruh dunia.

Ada dua aspek yang membimbangkan kita. Pertama, APCO banyak memberi khidmat untuk memulihkan imej pemimpin sebagai yang menindas rakyat di negara masing-masing sehingga akhbar *The Times of India* dengan laporan terperinci menulis bagaimana APCO mempunyai diktator-diktator di dalam senarai pelanggannya. Rencana tersebut menyenaraikan di antara lain dengan izin “*Adolf Hitler was a brilliant propagandist. Narendra Modi too believe in the power of image which is probably why the chief minister hired a US lobbying firm which has serviced clients like former Nigerian dictator Sani Abacha and President for life of Kazakhstan Nursultan Abishuly*

Nazarbayev. This Washington based firm, APCO Worldwide, was hired by Modi sometime in August this year, in the run-up to an important assembly election to improve his image before the world community. Among its recent clients are Mikhail Khodorkovsky, a former Communist youth leader turned Russian billionaire with mafia links”.

Keduanya, mereka terlibat dengan APCO mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan Israel serta ahli politik Amerika Syarikat yang mempunyai pandangan yang serong terhadap umat Islam. Soalan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jika ini reputasi dan rekod APCO yang diketahui umum apakah mesej yang ingin disampaikan kepada rakyat melalui pelantikan APCO sebagai perunding kerajaan? Apakah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengakui bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan partinya UMNO setaraf dengan rejim-rejim diktator di dunia?

Beberapa Ahli: Ya.

Dato’ Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]: Seinggakan khidmat APCO yang selama ini digunakan untuk membaiki imej diktator perlu diguna pakai. Saya ingin kupas kedua-dua aspek ini dan memberikan bukti bahawa berdasarkan rekod APCO selama ini sewajarnya kerajaan tidak melantik mereka kecualilah kepakaran yang diperlukan kerajaan adalah kepakaran menggunakan wang untuk membeli pengaruh di Washington. Dalam tahun 2007 seorang wartawan penyiasat yang terkenal di Amerika Syarikat bernama Ken Silverstein telah menyamar untuk melantik APCO mewakili Turkmenistan. Beliau telah melaporkan hasil siasatannya mengenai peranan dan pendekatan APCO membantu membersihkan imej diktator-diktator dunia di dalam sebuah rencana yang disiarkan di dalam majalah *Harper’s*, Julai 2007. *“Their Men in Washington: Undercover with D.C.’s Lobbyist for Hire”*. Saya dengan izin *“APCO was the first firm I contacted because it was a natural candidate to represent Turkmenistan. It has experienced working not just on behalf of authoritarian regimes in general the dictatorship of General Sani Abacha in Nigeria for example which employed the firm in 1995, the same year it hanged nine democracy activists.*

Pendedahan Ken Silverstein menunjukkan peranan dimainkan APCO membantu pemimpin yang begitu buruk rekodnya. Nama-nama yang disebut di dalam pendedahan tersebut termasuklah Barry Schumacher yang pernah terlibat dalam tugas lantikan Kerajaan Israel. Sekali lagi, Barry Schumacher, tugas lantikan Kerajaan Israel pada tahun 1992. Jennifer Millerwise Dyck, jurucakap CIA dan jurucakap naib presiden Dick

Cheney yang rekodnya ialah perang Afghanistan dan Iraq, kita semua sedia maklum. Sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat meneliti laporan tersebut, lebih membimbangkan pendekatan diambil oleh APCO dalam menjalankan *assignment* itu. Kepada kerajaan yang melantiknya mereka dijanjikan pertemuan dengan pemimpin kongres, dialog, seminar, pelbagai institusi untuk memberi imej yang amat berlainan dengan kenyataan yang berlaku di negara masing-masing.

Kepada pemimpin kongres dan kerajaan Amerika, mereka akan menjaja pertemuan sebagai peluang untuk memenuhi kepimpinan kerajaan yang melantik mereka sebagai perunding. Oleh sebab itu saya akan terangkan selepas ini risiko yang telah ditanggung oleh negara apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dicucuk hidungnya oleh Omar Mustapha dan juak-juak dari Ethos untuk melantik APCO. Senarai pemimpin-pemimpin yang menggunakan khidmat APCO untuk membaik pulih imej diktator adalah panjang dan mengejutkan. Selain Turkmenistan, Kazakhstan, Azerbaijan, salah seorang klien APCO yang terkenal adalah bekas diktator Nigeria, Jeneral Sani Abacha. Mengikut Laporan BBC, Jeneral Sani Abacha merupakan pemimpin berkedudukan nombor empat paling korup di dunia. Semasa pemerintahannya berbilion-bilion dolar dilesapkan. Yang dilesapkan oleh orang kanannya sahaja berjumlah USD2.5 bilion.

Aspek kedua adalah kehadiran ramainya tokoh-tokoh. Ini yang saya hendak tekankan. Ramainya tokoh-tokoh yang berkait rapat dengan kerajaan Israel, organisasi pertahanan Israel dan lebih parah agensi perisikan Israel sebagai perunding dan penasihat APCO yang boleh menjalar di Kuala Lumpur dan seluruh Malaysia. Tidakkah tindakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melantik APCO yang umum diketahui rapat dengan tokoh-tokoh kanan rejim Zionis merupakan sikap kepura-puraan? Di hadapan rakyat kerajaan Barisan Nasional bercakap mengenai perjuangan Palestin, mengutuk rejim Zionis malah merotan pesalah-pesalah rakyat marhaen yang lemah untuk membuktikan ia sebuah kerajaan yang menegakkan Islam, adil atau tidak itu belakang kira. Akan tetapi secara senyap tanpa pengetahuan rakyat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terus dekat dengan sebuah firma yang ditunjangi oleh tokoh-tokoh kanan rejim Zionis. Rejim yang memenjarakan Ghaza, menindas umat Islam termasuk rakyat Kristian di Palestin.

Secara khusus saya ingin bawa perhatian Dewan kepada tiga tokoh utama Israel di dalam APCO. Ini adalah relevan dengan kedudukan di Malaysia. Siapa tiga tokoh penting? Tiga tokoh utama Israel di dalam APCO yang juga tokoh kanan rejim Zionis.

Pertama Doron Bergebest-Eilon, kedua, Ittamar Rabinovich dan ketiga Shimon Stein. Yang pertama Doron Eilon, Ketua Bahagian Keselamatan Dan Perlindungan Agensi Keselamatan Israel - ISA (*Israeli Security Agency*). ISA adalah nama rasmi kepada satu organisasi yang cukup busuk namanya di kalangan umat Islam. *Israeli Security Agency* – *Shin Bet*. Apa *Shin Bet*? Shin Bet adik kembar kepada *Mossad*. Bezanya *Shin Bet* – agensi perisikan dalam negara, *Mossad* – agensi perisikan luar negara. Tokoh-tokoh kanan lain Zionis dalam APCO, Ittamar Rabinovich bekas Duta Israel ke Amerika Syarikat, jawatan terpenting diplomatik dalam rejim Zionis. Yang menjawat jawatan semestinya orang yang paling kuat pegangan Zionisnya. Begitu juga dengan Shimon Stein mantan Duta Israel ke Jerman. Kedudukan mereka yang kanan dalam lingkaran diplomatik memperlihatkan keupayaan mereka untuk mempengaruhi sistem melobi bagi pihak APCO sekarang.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah kita menimbulkan isu ini kerana ia melibatkan keselamatan dan reputasi negara, serta maruah umat. Kita jelaskan mengapa kita bangkitkan isu ini ianya kerana kita mempertikaikan tindakan kerajaan menganugerahkan kontrak perkhidmatan puluhan juta ringgit kepada sebuah syarikat yang mana ada dari kalangan eksekutif kanannya pernah memegang jawatan tinggi dalam organisasi seperti Shin Bet dan Kerajaan Israel. Kita khuatir kerana pentadbiran Datuk Seri Mohd Najib seperti tidak runsing dan gundah mengambil firma yang tercemar dengan rekod khidmat untuk para diktator dan para penindas. Sikap membisu Perdana Menteri pastinya mengundang pelbagai kemusykilan serta persoalan.

Membicarakan persoalan seperti komunikasi menyeluruh pastinya berkait rapat dengan Jabatan Perdana Menteri, makna APCO secara langsung ada hubungan akrab dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Penerangan, dan banyak kementerian lainnya. Maknanya APCO mempunyai akses terdedah kepada jaringan strategik, serta penting dan pastinya memberi kesan kepada keselamatan negara. Melantik organisasi asing yang mempunyai rekod seperti APCO lalu mengamanahkannya dengan tanggungjawab besar serta kemudahan sedemikian rupa pastinya menggadai kepentingan negara.

Oleh kerana itu saya menggesa kerajaan agar segera membatalkan kontrak perkhidmatan dengan APCO... [Tepuk] Dan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat skandal yang memalukan ini. Terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, itulah penjelasan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh terhadap isu yang dibawa pada hari tersebut oleh Yang Berhormat Kota Belud. Isu sama ada seorang Ahli perlu dirujuk atau tidak kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bukanlah untuk saya memutuskannya kerana ianya harus dibuat dalam bentuk *motion*, usul dan perkara ini terkeluar dari skop 26(1)(p) dalam peraturan mesyuarat. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya mana-mana Ahli ingin berbuat demikian saya nasihatkan agar ianya harus dilakukan dengan merujuk dan mematuhi keperluan seperti yang dinyatakan dalam peraturan mesyuarat. Terima kasih Yang Berhormat.

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen, Yang Kedua Belas.” **[29 Mac 2010]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran Malaysia.

12.13 tgh.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran [Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja pada kali ini. Seramai lebih 44 Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membahaskan pelbagai perkara berkaitan dengan pendidikan. Saya telah pun meneliti semua isu yang telah pun dibahaskan dan dalam masa yang diperuntukkan ini, saya memberikan penjelasan kepada perkara-

**CERAIAN DARIPADA
PENYATA RASMI DEWAN
RAKYAT**

1 APRIL 2010 (KHAMIS)

**PENJELASAN MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI
SEMASA PENGGULUNGAN
PERBAHASAN MENJUNJUNG
TITAH YANG DI-PERTUAN
AGONG**

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, empat orang akan menggulung dan Yang Berhormat Senator, beliau tidak ada di sini. Dia berada di Pulau Pinang tetapi dia akan balik kalau sekiranya masa dia balik itu masih lagi kita tengah menggulung maka dia akan menggulung kalau tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' T. Murugiah akan membuat penggulangan.

Yang Berhormat Permatang pauh mengatakan Titah Diraja terlalu murahan kerana memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan isteri. Untuk makluman Yang Berhormat, Titah diraja ini diperkenalkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan untuk makluman Yang Berhormat juga dalam Titah Diraja sebelum ini, Seri Paduka Baginda pernah memberi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada masa tersebut atau kepada tokoh-tokoh yang berjasa kepada negara misalnya dalam titah tahun Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi penghargaan kepada Yang Berbahagia Datuk Lee Chong Wei.

Sesungguhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak memegang tampuk kepimpinan telah memperkenalkan antaranya Gagasan 1Malaysia, Model Ekonomi Baru serta Program Turun Padang, mendampingi rakyat dan menyelesaikan masalah yang dihadapi mereka. Oleh itu tidak timbul pujian murahan seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan teladan yang baik sebagai pemimpin.

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berhubung dengan Program PERMATA pula, Titah Baginda menyentuh kejayaan program berkenaan dan tidak sesekali menyentuh isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Batu menyentuh tentang penggunaan khidmat APCO untuk kempen dan Gagasan 1Malaysia serta mendakwa ia ada kaitan dengan Israel. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara berkaitan APCO ini telah berulang kali diajukan dan jawapannya telah pun diberikan di dalam Dewan yang mulia ini. Penjelasan tersebut tidak wajar diputar belitkan dan kenyataan yang tidak benar mengenainya tidak harus diutarakan.

Menyentuh isu APCO ini saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh mengenai APCO adalah tidak benar belaka. Oleh itu pada hari ini saya tidak bercadang untuk terus membincang isu ini dengan panjang lebar memandangkan Yang Berhormat Permatang Pauh telah memperkatakan sesuatu yang tidak benar dan mengelirukan Dewan berkaitan isu APCO maka hal ini akan dibincang dalam usul di bawah 27(3) yang akan dikemukakan untuk merujuk Yang Berhormat Permatang Pauh kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan nanti.

Berhubung pendedahan Yang Berhormat Bayan Baru berkaitan agenda melompat parti dan merampas Putrajaya *at all cost* dengan izin...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena bangun.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat ada menyebut bahawa apa yang didakwa oleh Ketua Pembangkang tentang APCO itu tidak benar, tidak benar, tidak benar, APCO itu tidak benar. Apa-apa yang berkaitan dengan APCO itu tidak benar. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, adakah bermakna bahawa kerajaan tidak melantik APCO, itu satu? Keduanya, adakah kerajaan mengatakan bahawa APCO itu tidak terdapat lembaga penasihatnya yang merupakan bekas-bekas Menteri Israel, adakah ini dimaksudkan tidak benar?

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri, sedikit Menteri. Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Apa yang tidak benar bahawa 1Malaysia adalah dasar mengikut Yahudi 1Isreal, itu yang tidak benar. Jadi yang itu yang kita hendak bawa ke..., hendak rujuk ia kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi Yang Berhormat boleh bersetuju mengatakan bahawa 1Malaysia itu ialah selepas daripada *1Israel*.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak kata begitu, saya cuma hendak mengatakan bahawa yang kita tidak bersetuju ialah kerana dalam ucapan beliau, beliau mengaitkan iaitu bahawa 1Malaysia itu ilham daripada idea *1Israel*. Ini jelas menunjukkan di negara Malaysia yang mana ramai penduduknya itu adalah beragama Islam. Kaitan dengan program yang dilakukan oleh sebuah negara seperti Israel, itu adalah satu perkara yang amat sensitif.

Sebab itu kita tidak menerima apa yang telah dikatakan oleh beliau dan penjelasan pada hari Selasa yang lepas tidak langsung menunjukkan bukti-bukti yang kukuh bahawa ada satu perancangan di antara kita dan Israel sehinggakan program mereka itu hendak dilaksanakan di Malaysia, sebab itu kita tunggu masa perbahasan nanti, kita boleh bincang dengan lebih mendalam ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, Yang Berhormat Menteri, sedikit Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Balik Pulau.

■ 1850

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri sedikit Menteri. Yang Berhormat Menteri saya tidak mahu masuk di dalam aspek APCO kerana itu akan diperjelaskan.

Akan tetapi cuma saya mahu Menteri jelaskan dasar kerajaan pada hari ini kerana satu ketika di bawah pimpinan yang lalu negara dikaitkan kononnya yang berpengaruh ialah tingkat empat, lepas itulah sekarang dikaitkan dengan kerajaan hari ini memerlukan perunding komunikasi untuk memantapkan imej kerajaan. Saya melihat perkembangan ini untuk sebuah negara yang telah berkembang selama 50 tahun.

Pendekatan politik ala *outsourcing* ini Menteri, kerana pada pandangan saya Menteri sendiri baru ini saya ucapkan Menteri mampu pergi Washington melakukan dasar luar negara tanpa memerlukan bantuan perunding asing. Saya rasa suatu ketika apabila dikaitkan dengan tokoh-tokoh diplomat Tan Sri Zain Azrai sehingga hari ini dibanggakan, Tan Sri Kamil juga difahamkan antara yang hebat membantu negara ketika Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Presiden UNESCO. Saya yakin ramai lagi tokoh-tokoh, pegawai-pegawai kerajaan yang saya rasa mungkin juga hebat.

Jadi saya rasa pada hari ini, adakah dasar kerajaan pada hari ini sehingga perlukan perunding komunikasi strategik untuk membantu negara di kala terutama sekali negara yang telah selama 50 tahun punya pengalaman dan saya rasa Menteri sendiri antara Menteri kanan yang berpengalaman mungkin boleh jelaskan kepada kita, adakah kita tidak mampu untuk membawa satu komunikasi yang ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat, ringkaskan.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: ...Strategik bagi membangkitkan imej tanpa APCO, ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata benda APCO ini kita bincang pada waktu saya hendak bawa usul hendak rujuk dia ke Jawatankuasa nanti. Tidak perlu saya jawab sekarang. Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak mahu sebut mengenai apa yang akan di bincang. Ini adalah mengenai APCO yang ada di *engage* untuk perkhidmatan menjualkan 1Malaysia, tidak ada kah firma-firma tempatan untuk perkhidmatan ini. Oleh kerana apa yang kita tahu mengenai *APCO Tactical Exco Worldwide*, adakah kerajaan sedia untuk timbang semula dan berhentikan perkhidmatan APCO.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ucapan yang sama macam Yang Berhormat Balik Pulau tadi. Tunggu apabila kita bahas usul nanti.

Berhubung dengan pendedahan Yang Berhormat Bayan baru, berkaitan dengan...

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Saya tertarik tadi Yang Berhormat mengatakan sensitif,

sensitivity itu perlu dijaga yang ada kaitan di antara Malaysia, kalau boleh sebut pun tidak boleh dengan Israel ini.

Akan tetapi bagi saya Yang Berhormat, berdasarkan *track record* kerajaan sendiri. Kerajaan pernah ada hubungan dengan Israel ini sama ada cara *official* atau tidak *official*. Yang Berhormat Menteri Pertahanan jumpa Ehud Barak di Perancis, kemudian Malaysia pernah mengundang dengan rasmi pasukan kriket Israel ke Malaysia. Saya dan Yang Berhormat Pokok Sena sampai di heret ke Penjara Kajang... [Ketawa] Adakah ini menunjukkan bahawa benar-benar kerajaan sensitif tentang Israel ini? Jadi saya berharap Yang Berhormat konsisten dengan isu ini kalau betul-betul perkara ini melibatkan *sensitivity*, jadi biar konsisten, nampak konsisten. Jangan pukul 1 tengah hari mengatakan tidak boleh dan pukul 5 petang menunjukkan tidak konsisten.

Jadi atas isu-isu yang begini saya rasa negara telah ada rekod bahawa hubungan dengan Israel memang telah terjalin dan saya tidak pelik juga APCO yang datang ke mari juga ada kaitan dengan urusan yang sebegini. Jadi minta penjelasan, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, saya rasa Yang Berhormat Bagan Datok sudah jawab. Akan tetapi saya cuma hendak beritahu *two wrongs not make one right*. Jadi oleh kerana sensitif itulah Yang Berhormat Kubang Kerian dan Yang Berhormat Pokok Sena melompat kerana itulah kita tidak mahu bincang, kita merasa sensitif apabila perkara ini dibangkit. Jangan kita fikirkan kalau dulu ada berlaku kesilapan, maka itu boleh menghalalkan apa yang kita hendak buat sekarang. Jadi sebab itu, saya hendak kata kita bincang ini waktu - oleh kerana dia bangkit perkara yang sensitif, tetap sensitif walau Yang Berhormat kata di masa lepas ada peristiwa, tidak bermakna kurang sensitif sekarang. Jadi sebab itu saya menyatakan bahawa kita bincanglah, apa kita hendak takutkan. Waktu saya bentang usul nanti, diberi ruang untuk berbahas perkara yang sama. Lebih baik kita duduk bincang satu khusus pada itu sahaja kerana daripada kita habis masa di sini kerana terdapat perkara lain yang perlu saya jawab kan. Jadi saya ingat tidak mahu layan tentang hal itu lagi..

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Isu sensitif itu tadi itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: ...Sehingga saya bawa usul. Pada ketika itu Yang Berhormat boleh bercakap apa-apa pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jelas itu Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Jadi berhubung pendedahan Yang Berhormat Bayan Baru berkaitan agenda melompat parti dan merampas *Putrajaya at all cost*, dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat, lompat parti lazimnya terjadi apabila rakyat berkenaan telah hilang keyakinan kepada pucuk pimpinan parti yang diwakili olehnya ataupun

LAMPIRAN JAWAPAN

Pertanyaan Jawab Lisan oleh Kerajaan Pada Soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat Berkaitan Isu APCO dan 1Malaysia

22 Oktober 2009

- YB Serdang (Soalan No 20)

18 Mac 2010

- YB Tanah Merah (Soalan No 54)

29 Mac 2010

- YB Seputeh (Soalan No 62)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TEG NIE CHING [SERDANG]

TARIKH : 22 OKTOBER 2009

SOALAN , :

Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan identiti syarikat dan syarikat "public relation" tempatan dan luar negara yang diupah untuk mempromosikan konsep 1MALAYSIA dan Y.A.B. Perdana Menteri di arena antarabangsa, jumlah wang yang telah dibelanja dan jumlah wang yang diperuntukkan untuk tujuan ini.

JAWAPAN: (YB TAN SRI DR. KOH TSU KOON)

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak konsep 1 Malaysia diperkenalkan oleh YAB. Perdana Menteri, beberapa kementerian dan agensi kerajaan, bahkan syarikat-syarikat korporat atas inisiatif mereka sendiri, telah menjayakan pelbagai program dan usaha untuk mempromosikan gagasan ini. Tidak ada syarikat perhubungan tempatan dan luar negara yang diupah untuk mempromosikan gagasan 1 Malaysia secara khusus.

Walau bagaimanapun, Kerajaan ada melantik Syarikat APCO Worldwide Sdn Bhd untuk melaksanakan perkhidmatan berkaitan komunikasi kepada Kerajaan Persekutuan secara menyeluruh. Ia bertujuan meningkatkan lagi kapasiti kerajaan dalam bidang komunikasi kerajaan agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia. Pelantikan syarikat-syarikat komunikasi bertaraf antarabangsa sememangnya merupakan amalan biasa bagi banyak kerajaan negara yang lain.

APCO Worldwide juga disarankan menjayakan program untuk mempromosi dan meningkatkan imej Malaysia di luar negara. Di antara tugasnya termasuklah membetulkan imej negara kerana maklumat yang kurang lengkap atau kurang tepat yang disiarkan melalui media tercetak atau elektronik sedikit sebanyak telah menjejaskan imej serta keyakinan masyarakat antarabangsa terhadap Malaysia sebagai sebuah negara yang stabil dan kukuh sebagai satu destinasi pelaburan, perdagangan dan pelancongan.

Selain dari APCO Worldwide, pihak Kementerian dan agensi kerajaan ada juga melantik syarikat-syarikat tempatan dan asing yang lain samada secara jangka masa panjang atau pendek untuk memberi perkhidmatan komunikasi.

Oleh kerana perbelanjaan untuk tujuan perkhidmatan ini bergantung kepada pelaksanaan sebenar program dan projek-projek komunikasi yang ditetapkan dari masa ke semasa mengikut keperluan, maka jumlah perbelanjaan sebenarnya belum dapat ditentukan sekarang.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : Mr ^f

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LfSAN

DARIPADA : YB TUAN AMRAN BIN AB GHAN!

[TANAH MERAH]

TARfKH : **18 MAC 2010**

SOALAN :

Tuan Amran bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan benarkah APCO *Worldwide* yang diupah oleh Perdana Menteri untuk melancarkan Gagasan 1 Malaysia juga menawarkan perkhidmatan mereka kepada Nigeria, Sania Abacha dan Presiden Seumur Hidup Kazakhstan, Nursultan Abishuly Nazarbayev.

JAWAPAN : (DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan tidak ada melantik syarikat perhubungan tempatan dan luar negara untuk mempromosikan Gagasan 1 Malaysia secara khusus. Syarikat *APCO Worldwide Sdn Bhd* dilantik kerajaan untuk melaksanakan perkhidmatan berkaitan komunikasi secara menyeluruh. Ia bertujuan untuk meningkatkan lagi kapasiti kerajaan dalam bidang komunikasi agar pendekatan dan amalan kita adalah sama dengan amalan terbaik dunia. Selain Malaysia, *APCO Worldwide* juga menyediakan perkhidmatan komunikasi kepada negara-negara lain. Perkhidmatan komunikasi yang disediakan oleh *APCO* kepada negara-negara lain adalah urusan dalam syarikat tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO. SO ALAN: 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM

[SEPUTEH]

TARIKH : 29 MAC 2010

SOALAN :

Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan syarikat yang dilantik oleh kerajaan untuk melancarkan kempen "1 Malaysia" dan jumlah kos terlibat dalam seluruh kempen tersebut. Sila nyatakan maksud sebenar "1 Malaysia" dan kesannya ke atas UMNO dan komponen parti BN selepas kempen ini dilancarkan.

JAWAPAN : (DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ)

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak Konsep 1 Malaysia diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri!, Kementerian dan agensi kerajaan telah menjayakan pelbagai ^program dan usaha untuk mempromosikan gagasan ini. Kerajaan tidak ada melantik syarikat perhubungan tempatan dan luar negara untuk mempromosikan 1 Malaysia secara khusus.

YAB Perdana Menteri telah menyatakan gagasan 1 Malaysia ialah untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan beberapa nilai-nilai penting yang seterusnya menjadi amalan setiap rakyat. Adalah menjadi harapan kita gagasan 1 Malaysia mengukuhkan lagi perpaduan bagi menjamin kestabilan, ke arah mencapai kemajuan dan pembangunan yang lebih tinggi bagi rakyat dan negara. Semestinya ini merupakan harapan semua rakyat dan parti politik.

Sekian, terima kasih.

LAMPIRAN

**Surat daripada APCO
Worldwide Kepada Pengerusi
Jawatankuasa Hak dan
Kebebasan Berkenaan Isu
APCO dan 1 Malaysia**


APCO

worldwide"

47 Rue Montoyer, 5th Floor
1000 Brussels, Belgium

19 August 2010

Yangdi-Pertua Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia
Bangunan Parlimen
Jalan Parlimen
50680 Kuala Lumpur



Dear YB Tan Sri Datuk Seri Utama Pandikar Amin Bin Haji Mulia,

I would like to take this opportunity to thank the Honourable Speaker for giving us an opportunity to respond to recent allegations made regarding APCO Worldwide (APCO) by certain members of Parliament. We greatly appreciate being provided the opportunity to correct false statements that have been made about our company and its activities.

In early June, APCO went to great lengths to correct the record at the time of the first sitting of the Privileges Committee Hearing on Dato' Sri Anwar Ibrahim's statements regarding our company. As Chief Executive Officer for Europe, the Middle East and Africa, I travelled from Brussels to Kuala Lumpur for the express purpose of appearing before the Committee and answering the Committee's questions. Unfortunately, despite my willingness to appear before the Committee, I was not permitted to testify. The hearing was delayed and no new date set. I would now like to use this letter to correct the record about APCO and our work with the Government of Malaysia.

Let me begin with some facts about our company.

APCO is a professional public relations and public affairs consultancy. It is not a political organization. Our clients include corporations and governments; industry associations and non-profit organizations; and many of the companies on Fortune's Global 500. APCO offers services related to business and finance; media, public opinion and society; and government and public policy. As an independent, global business, it has never been under the influence of any government.

APCO has undertaken work for governments throughout the world, as well as the United Nations, World Bank, ASEAN, the European Commission, and other international organizations. A core thrust of APCO's work for governments has been, and continues to be, capacity-building; support for economic development; assistance on anti-corruption and good governance; and similar initiatives to strengthen the ability of governments to meet the needs of their people.

We were engaged in June 2009 to provide communications support to the Government of Malaysia. We have been honoured to do so. We have had nothing whatsoever to do with One Israel. We were not involved in the creation of 1 Malaysia.

Please allow me to respond to the'direct allegations made against APCO in more detail.



worldwide"

APCO has undertaken activities on behalf of dozens of governments over the past twenty-five years, some of which are lengthy and involve many APCO professionals, and others of which are small and do not involve ongoing relationships. Contrary to the overheated statements that some have made about APCO's relationship to the government of Israel, APCO's work for the government of Israel was among the company's smallest, and briefest, governmental engagements, involving just two activities, each of which took place many years ago. One of these engagements took place over three months in late 1991 and early 1992, some 18 years ago. The other involved assisting in logistics and publicizing a two-day trade conference some 23 years ago. The details of those two engagements are as follows:

In 1992, when APCO was owned by Grey Advertising Inc., an advertising company with headquarters in New York City, New York, United States of America, APCO was asked to assist on a small project for GCI, another PR firm subsidiary of Grey, GCI had a contract with Israel's Ministry of Finance. As a subcontractor, APCO was asked to assist GCI for a three month project involved carrying out and implementing a public relations program to strengthen trade between the United States and Israel. Since APCO was a subcontractor; it did not have direct contact with the Israeli contracting authority.

The other engagement was when APCO was still a part of the Washington, DC law firm, Arnold and Porter; APCO represented the Israel-America Chamber of Commerce & Industry (the "IACC"). The project involved setting up a two-day trade conference in Washington, D.C., in October 1987. The event was hosted by the IACC Export Institute and Israel's Embassy.

Third, there have been allegations regarding our International Advisory Council and partial ownership of ASERO, a security company.

APCO's International Advisory Council ("IAC") was established by Margery Kraus. as a means of seeking advice and counsel from former senior government officials around the world or leaders of business or NGOs. It is not a policy group and convenes as needed. The Members of the IAC have no control over APCO nor do they manage the company. In addition to providing advice on client or business development matters when asked, the IAC also helps strengthen APCO's existing expertise in industry sectors and communications services. Clients benefit from their high-level insights and extensive experience. These external advisors include former elected politicians, leaders of business and industry, academics at leading universities, world-class journalists and editors, NGO and nonprofit pioneers, and diplomats.

APCO's IAC currently includes advisors from 15 countries, including Canada, China, Germany, Hong Kong, India, Israel, Jakarta, Japan, Malaysia, Mexico, Poland, Russia, Sri Lanka, The Netherlands, the United Kingdom, and the USA. Three of the more than 50 members of the IAC are former Israeli government officials; Doron Bergerbest-Eilon, Shimon Stein, and Itamar Rabinovich. None of these individuals have done any work for the Government of Malaysia. None of them have been consulted with respect to such work. They have had nothing to do with APCO's Government of Malaysia contract.

APCO was an investor in ASERO, a USA corporation. ASERO is a firm that offers clients assistance on issues of homeland security and risk management; providing counsels to governments and companies on risk mitigation through integrated security solutions. Key



worldwide*

focus areas include port security, aviation security and engineering, and design of building components. APCO chose to invest in the company because of the business opportunities presented by the corporate interest in this field. APCO and ASERO are in distinct and separate lines of business. ASERO was established in 2005. Thus it did not exist in 1999, the time of the One Israel campaign.

ASERO is an independent security company, in which APCO was an investor. As an investor in ASERO, for efficiency purposes APCO provided some administrative and infrastructure resources on an arms-length contractual basis. Some senior advisors sit on both APCO's IAC and ASERO's external advisory boards.

No one who works for ASERO has had anything to do with APCO's work in Malaysia - at any time, either directly or indirectly. ASERO did not have and does not have access to any information about APCO's work for the Government of Malaysia, other than what is available publicly, such as information in APCO press releases or on the public web site. ASERO is a separate company and does not have and has never had access to any of APCO's files on this work or any other work.

Finally, I would like to say a few words about our work for the Government of Malaysia.

The current engagement is to share best practices through the provision of government-wide advice, training and capacity building. The work was designed to address the Government's goals to improve the delivery of information to the public, to communicate quickly and transparently, and to utilize new online technologies. APCO was not and is not involved in assisting the Government of Malaysia with formulating policies. In particular, APCO in Malaysia was engaged by the Government of Malaysia to deliver communications support in the following areas:

- (1). Provide training in best practices for communications departments across government;
- (2). Strengthen the ability of ministries to coordinate their communications to the media, public and other stakeholders;
- (3). Enhance the Government's ability to communicate effectively to international stakeholders through use of traditional and online channels; and
- (4). Assist Government departments in effectively communicating their policies to the public.

A core thrust of APCO's work for the Government has been capacity-building through training and skills transfer to communications officers across most Government ministries.

A crucial component of APCO's capacity building work in Malaysia includes the recruitment and specialized training of Malaysians interested in communication careers. The goal is to build a team of Malaysian professionals with the knowledge and experience in such areas as new media technologies to provide world-class communications support and services to the Malaysian Government, Malaysian businesses, non-profits, and Malaysian society for many years.

APCO

world wide"

In conclusion, we have been honoured to provide assistance to the Government of Malaysia to communicate better with all the people of Malaysia, proud of the training we have provided to over 450 people from 15 ministries at over 100 training sessions and pleased that today, a majority of those undertaking work at APCO in Kuala Lumpur for the government of Malaysia are Malaysians.

We thank you for accepting this letter explaining our stance regarding the false allegations made against us. We would be happy to assist the committee as needed.

Kind regards,



Brad Staples
Chief Executive,
Europe Middle East and Africa